

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini penyiasatan dan tindakan susulan yang diambil berkaitan dengan satu laporan polis (No Laporan Cheras 021515/20) pada 10 Oktober 2020 serta laporan yang dibuat kepada Ketua Polis Kuala Lumpur pada 15 Oktober oleh 7 pengadu berkenaan penyalahgunaan kuasa dan salah laku anggota polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, siasatan telah dijalankan bersabit Cheras Repot 21515/2020 bertarikh 10 Oktober 2020 di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan (Merusuh). Laporan polis dibuat berkaitan tiga (3) orang anggota RELA yang sedang bertugas di kawasan Pasar Taman Cheras telah dipukul oleh 5 orang lelaki India. Kes masih dalam siasatan pihak polis. Sehubungan itu, saya tidak bercadang untuk menghuraikan dengan lebih lanjut sehingga boleh menjejaskan siasatan.

Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dengan pegawai atau anggota polis yang menyalahguna kuasa dan terlibat dalam salah laku yang mana tindakan tatatertib akan dijalankan terhadap pegawai atau anggota polis yang terlibat.